

29 DISEMBER 2017

## Mekanik OKU ke tali gantung

18 NEGARA

KOSMO! JUMAAT 29 DISEMBER 2017

# Edar kanabis seberat dua kilogram dalam sebuah kereta tiga tahun lalu Mekanik OKU ke tali gantung

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**G**EORGE TOWN – Seorang mekanik yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini semalam selepas didapati bersalah mengedar kanabis seberat dua kilogram tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Lim Chong Fong menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Mohamed Kanathi Meerah Mydin, 42, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan mu-

nasabah terhadap pertuduhan pada akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, Mohamed yang mengalami kecacatan pada kaki kanan akibat kemalangan didakwa mengedar kanabis seberat 2,000 gram di dalam sebuah kereta jenis Hyundai Elantra berwarna perak di tepi Jalan Gudwhara melalui Jalan S P Chelliah di sini kira-kira 3.30 pagi, 16 April 2014.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 39B(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta

yang sama dan dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan dengan membawa hukuman mati.

Dalam penghakiman yang berlangsung dalam tempoh hampir dua jam itu, Hakim Chong Fong mengatakan mahkamah tidak mempercayai keterangan daripada pihak pembelaan iaitu tertuduh yang memaklumkan saksi yang dilepaskan adalah individu membawa dadah tersebut.

"Tertuduh dalam pembelaannya mengatakan saksi yang juga rakannya menyuruh dia (tertuduh) memcut laju kereta sehingga berlaku

kemalangan dan kemudiannya mereka ditahan polis," katanya.

Pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd. Azrul, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohamad Arif Shahrudin.

Terdahulu, Mohamed yang mengenakan persalinan berwarna putih tidak menunjukkan sebarang reaksi sedih ketika hakim memutuskan yang dia didapati bersalah.

Tiada ahli keluarga mahupun saudara Mohamed kelihatan hadir mendengar keputusan kes tersebut.



MOHAMED diiringi keluar oleh anggota polis selepas dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang semalam setelah didapati bersalah mengedar kanabis tiga tahun lalu.